

IKLAN PENGAMBILAN PERSONEL MYSTEP

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan.

1. BUTIRAN JAWATAN

Jawatan	Personel MySTEP Setaraf 41 (2 jawatan)
Bayaran Perkhidmatan	RM2,300.00 Sebulan (Termasuk potongan KWSP dan PERKESO)
Syarat Lantikan	Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
Kelayakan Akademik	1. Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau 2. Ijazah Sarjana Muda atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan 3. Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu dalam peperiksaan tersebut.
Tempoh Perkhidmatan	01 Mac 2026 hingga 31 Disember 2026
Tarikh Tutup Iklan	29 Januari 2026 (Khamis)
Deskripsi Tugas Utama	Jawatan 1: Menjalankan tugas-tugas promosi pelancongan yang merangkumi promosi domestik, sesi libat urus antara jabatan dan agensi serta pemain industri berkaitan, dan promosi produk pelancongan Langkawi. Jawatan 2: Menjalankan tugas-tugas keurusetiaan majlis menandatangani perjanjian melibatkan jabatan serta membantu menyemak perjanjian dari semua Bahagian/Unit di LADA. Selain itu, turut terlibat bagi membantu pengurusan perundangan jabatan

2. CARA MEMOHON

- a) Permohonan boleh dibuat dengan melayari laman sesawang MyFutureJobs di alamat <https://myfuturejobs.gov.my/>.
- b) Permohonan atas talian yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan salinan seperti berikut:
 - (i) Kad Pengenalan;
 - (ii) Sijil Kelahiran;
 - (iii) Sijil Berhenti Sekolah;
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
 - (v) Sijil Ijazah Sarjana Muda dan transkrip; dan
 - (vi) Lain-lain sijil yang berkaitan (kokurikulum) - jika ada

3. PERMOHONAN YANG DITOLAK

- a) Borang permohonan yang tidak lengkap seperti berikut tidak akan dipertimbangkan:
 - (i) Tidak disertakan gambar terbaru yang berukuran passport seperti ditetapkan;
 - (ii) Tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan seperti di para 2 (a);
 - (iii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
 - (iv) Tidak menandatangani borang permohonan; dan
 - (v) Mengemukakan maklumat palsu.